

FSDP UMS gilap bakat pengarah muda

SABAN tahun, dunia perfileman tanah air tidak pernah sunyi daripada diwarnai dengan pelbagai trend terkini di dalam menarik perhatian penonton filem.

Gelombang perkembangan filem tempatan ini telah memandu ke arah percambahan penghasilan filem pendek yang diarahkan oleh pengkarya muda.

Pelajar Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut tidak ketinggalan di dalam memacu ke arah penghasilan filem yang kreatif dan mempunyai daya pemikiran di luar kotak.

Lantaran itu, Festival Skrin Digital Pelajar (FSDP) yang dianjurkan oleh FKSW, UMS antara platform yang bersesuaian di dalam mengetengahkan bakat muda yang mempunyai potensi dalam bidang perfileman.

Festival gilang gemilang bagi meraikan kejayaan pengkarya-pengkarya muda ini telah diadakan pada setiap tahun bermula pada 2013 dan bakal dianjurkan semula pada Disember tahun ini.

Penganjurannya bertujuan memberi pendedahan serta pembelajaran secara praktikal kepada pelajar dalam menerbitkan filem bermula daripada idea awal sehingga kepada



ADDLEY

pemasaran filem-filem pendek, selain melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif, kompeten dan inovatif.

Menurut Pensyarah Program Teknologi Seni Visual Addley Bromeo Bianus, FSDP mendapat sambutan yang memberangsangkan dalam kalangan pelajar UMS dengan menerima penyertaan sekitar 18 hingga 25 filem pendek pada setiap edisi penganjuran.

Katanya kejayaan penganjuran FSDP UMS yang akan memasuki edisi ke-5 merupakan antara usaha berterusan yang terletak pada usaha pelajar serta pensyarah dalam menjayakan segala persiapan dan pelaksanaannya.

"Kesemua pelajar telah diberikan tanggungjawab untuk menguruskan acara itu, dari penghasilan karyanya sehinggalah ke penganjuran festival.



ROSLI

Rata-rata pelajar mampu melaksanakan tugas yang diberikan tanpa sebarang masalah sehinggalah pada hari kemuncak perjalanan majlis yang berjalan secara meriah dan lancar," katanya.

Beliau berkata, penganjuran festival itu secara tidak langsung memberi keyakinan kepada pelajar untuk melaksanakan sendiri acara yang berprestij seperti itu selain berupaya menghasilkan produk filem yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa seiring dengan pembelajaran abad ke-21.

Malah, festival itu turut membuka peluang kepada perkembangan karya pelajar dan ia terbukti dengan kejayaan merangkul lima anugerah di Festival Kreatif Pelajar Malaysia pada tahun 2015.

"Antara filem pendek yang berjaya mengangkat nama UMS adalah *Slayer* dan dokumentari bertajuk



SYAIFUL REEZAL

Angkiluang yang diarahkan oleh bakat muda, Mohd Syaiful Reezal Harith.

Filem bergenre sains fiksiyen, *Slayer* dan dokumentari pahlawan Murut, *Angkiluang* berjaya menggondol anugerah utama dan sampingan antaranya Skrip Terbaik, Pelakon Terbaik, Grafik Terbaik dan Anugerah Inovasi Sematik & Simbiosis," katanya.

Addley berkata perkembangan positif itu turut dipersetujui oleh Pensyarah Program Seni Kreatif Rosli Sareya yang menegaskan strategi pembelajaran berbeza iaitu penerapan secara praktikal mampu menghasilkan


DUA karya kreatif Syaiful Reezal yang telah merangkul lima anugerah dalam Festival Kreatif Pelajar Malaysia.



produk yang berkualiti.

"Kejayaan ini adalah bukti bahawa silibus pengajian yang dipraktikkan di FKSW, UMS selama ini tidak sia-sia dan tepat untuk para pelajar.

"Segala tunjuk ajar serta pengisian yang dilakukan selama ini membuahkan hasil yang memberangsangkan dan membuktikan pengkarya-pengkarya muda sememangnya mempunyai bakat terpendam yang perlu digilap dengan cara yang lebih komprehensif. Mereka



merupakan perintis kepada kejayaan industri perfileman akan datang," katanya.

Beliau berharap dengan kelangsungan penganjuran FSDP itu, ia berupaya memberi galakan kepada para pelajar di dalam menceburi bidang perfileman selain membangunkan tahap 'kecelikan filem' melalui aspek dan aktiviti yang dijalankan khususnya bagi para pelajar UMS.

Katanya di sebalik pembangunan dan kecanggihan teknologi yang dicanang pada masa kini, akal tunjang pokok pangkal kualiti sesebuah filem

tetap bergantung kepada keupayaan mengolah sebuah karya yang baik dari segi jalan cerita dan skrip selain mampu menerima teguran membina dan memberi komitmen serta kerjasama kepada krew produksi.

"Kecanggihan teknologi yang dinikmati kini hanyalah sekadar pelengkap untuk mewujudkan karya spektakular yang harus disokong dengan keinginan pelajar untuk mendalami pelbagai bidang penerbitan filem sebagai sandaran dalam menerbitkan filem secara komersil," katanya. (Artikel sumbangan Imelda Ann Binti Achin)